



“Melalui penjanaan kuasa modal insan, Penyelidikan Saintis Jurutera (RSE) ini dapat menjayakan Pelan Induk Perindustrian (PIP) dan penglibatan UMP dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pahang ini akan menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi dalam pembangunan nanoteknologi bagi Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).”
- Dato’ Haji Mohd Sharkar

FIST anjur persidangan ICONT bincang teknologi nano

Penemuan bahan berstruktur nano yang diaplikasi untuk barangan elektronik, simpanan tenaga, penjagaan kesihatan dan pemuliharaan alam sekitar menarik minat di kalangan saintis dan jurutera pada hari ini menjalankan kajian penyelidikan dalam bidang Sains dan Kejuruteraan Nano Bahan.

Justeru, penganjuran Persidangan Antarabangsa Teknologi Nano (ICONT) 2012 anjuran Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerusi Fakulti Sains & Teknologi Industri (FIST) dengan kerjasama Sirim Berhad dan Kerajaan Negeri Pahang ini tepat pada masanya bagi mempertingkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan teknologi nano serta berkongsi penemuan terkini dalam bidang ini.

Seramai 149 peserta dari 16 negara hadir melibatkan peserta daripada Malaysia, Indonesia, Singapura, Australia, Jepun, Korea, Amerika Syarikat, India, Pakistan, Arab Saudi, Iran, Sweden, Rusia, United Kingdom, Oman dan Austria.

Majlis penutup persidangan dirasmikan Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Pahang, Dato’ Haji Mohd Sharkar Shamsudin pada 30 Mei 2012 yang lalu.

Hadir sama Presiden dan Ketua Eksekutif Sirim Berhad, Dr. Zainal Abidin Yusof, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato’

Dr. Rosli Mohd Yunus, Dekan FIST, Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff dan Pengerusi Persidangan ICONT 2012, Profesor Dr. Jose Rajan.

Dalam ucapannya, Dato’ Haji Mohd Sharkar berkata, kerjasama strategik ini dilihat sejajar dengan hasrat kerajaan bagi menggalakkan pertumbuhan pelbagai sektor dalam bidang Sains dan Teknologi.

“Melalui penjanaan kuasa modal insan, Penyelidikan Saintis Jurutera (RSE) ini dapat menjayakan Pelan Induk Perindustrian (PIP) dan penglibatan UMP dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pahang ini akan menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi dalam pembangunan nanoteknologi bagi Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER),” katanya yang juga menghargai kerjasama UMP dalam menjayakan Pelan Tindakan Strategik Biodiversiti-Bioteknologi di Negeri Pahang.

Beliau yang berucap merasmikan ICONT 2012 di Hotel MS Garden di Kuantan turut melahirkan rasa bangganya atas usaha UMP yang sama-sama berperanan dalam menghimpunkan pakar dan penyelidik menerusi platform ini yang pastinya mampu mewujudkan satu perspektif baharu dalam membincangkan cabaran terhadap teknologi nano pada masa hadapan.

